

# 7 Petua Hilangkan Sakit Gigi

oleh: Mastinah binti Along

**Pernahkah anda mengalami sakit gigi? Sakit gigi merupakan satu daripada beberapa penyakit yang paling sukar untuk diterima oleh para masyarakat kita.**

Apabila rasa sakit itu menyerang, gigi akan terasa seakan berdenyut, malah sakit kepala dan demam akan menyusul. Tambahan lagi, rasa sakit gigi akan menjadi sangat sensitif terhadap suara bising dan mudah panas baran. Ramai dalam kalangan masyarakat kita, apabila diserang sakit gigi, akan terus bergegas ke hospital untuk mendapatkan rawatan lanjut. Namun begitu, tidak sedarkah kita, rawatan secara alternatif juga mampu menyembuhkan kesakitan pada gigi? Mari ikuti petua-petua di bawah untuk melegakan sakit gigi anda.

## SERBUK KAYU MANIS

Kulit kayu manis hendaklah ditumbuk secara lumat. Kemudian, hasilnya hendaklah diambil, secubit dan letakkan dibahagian gigi anda yang berlubang. Lalu, ambil kapas kering, dan tampalkan di dalam bahagian tersebut. Sekiranya anda merasakan lechez untuk menumbuk kulit kayu manis, kini kulit kayu manis boleh didapati dalam bentuk serbuk. Oleh itu, ia juga boleh terus digunakan mengikut langkah-langkah diatas.

## DAUN CENGIKH

Cengkik merupakan, rempah yang menjadi bahan dalam pembuatan rokok. Namun tahukah anda, daun cengkik juga ternyata memiliki khasiat untuk menyembuhkan sakit gigi?. Cara-caranya:

- 1) Cuci beberapa helai daun cengkik.
- 2) Kemudian rebus dengan air mendidih.
- 3) Selepas itu, daun tadi hendaklah diangkat dan ditoskan.
- 4) Lalu ia haruslah dilumatkan.
- 5) Perah daun cengkik yang telah dilumatkan dengan menggunakan kain.
- 6) Letakkan dibawah perahan daun cengkik tadi, kapas kering dan basahkan kapas kering dengan air perahan daun cengkik.
- 7) Tampil kapas yang lembab tadi, di bahagian gigi yang mengalami kesakitan.

## BAWANG PUTIH

Menurut buku Jude's Herbal Home Remedies susunan Jude C.Todd, bawang putih dapat melegakan kesakitan pada gigi. Hal ini demikian ini kerana, bawang putih mengandungi antiseptic, yang mampu melawan sakit pada gigi berlubang. Langkah-langkah



untuk menyembuhkan sakit gigi dengan menggunakan bawang putih ini adalah seperti berikut:-

- 1) Ambil seulas bawang putih.
- 2) Masukkan bawang putih tadi, ke dalam mulut, dan letakkan di gigi.
- 3) Lakukan selama 5 minit.
- 4) Kemudian, keluarkan bawang putih.
- 5) Bilas mulut dengan air suam.

## TEH HANGAT

Dalam buku Prescription for Herbal Healing susunan Phylis A.Balch, dikatakan teh dapat digunakan untuk mengubati sakit gigi. Teh panas membantu menghilangkan bakteria di mulut dan mengurangi rasa sakit sementara. Caranya:

- 1) Masukkan uncang teh dalam gelas yang berisi air panas dan kacau.
- 2) Jangan letak gula dalam gelas.
- 3) Ambil uncang teh dari gelas.
- 4) Letakkan uncang teh pada gusi.
- 5) Selepas 2 minit, ulang langkah 1, 3 dan 4.

## SERAI

Serai yang biasa digunakan sebagai perisa tambahan dalam masakan sememangnya boleh menyembuhkan kesakitan pada sakit gigi anda. Caranya :

- 1) Ambil sekurang-kurangnya 10 batang serai, kemudian basuh dengan air.
- 2) Rebus serai tadi dengan tiga gelas air bersih, Sehingga airnya tinggal separuh.
- 3) Kemudian, air serai yang direbus diambil dan digunakan untuk berkumur.
- 4) Ulang langkah tiga, sehingga kesakitan pada gigi hilang.

## AKAR KANGKUNG

Kehidupan seharian kita, sentiasa dikelilingi sayur-sayuran dengan khasiat yang boleh memberikan kekuatan kepada badan. Siapa sangka sayur kangkung boleh mengatasi sakit gigi? Oleh itu, mari kita amalkan petua ini.

- 1) Sediakan segenggam akar sayur kangkung.
- 2) ½ sudu cuka.
- 3) Satu gelas air bersih.
- 4) Rebus kesemuanya, sehingga akar kangkung masak.
- 5) Ambil air rebusan untuk berkumur-kumur.

## GARAM

Garam yang juga digunakan sebagai penambah perisa dalam masakan untuk menaikkan aroma, sememangnya boleh digunakan untuk tujuan yang lain. Sekiranya anda ingin cepat melegakan sakit gigi yang dialami, segeralah mencuba dengan air garam. Caranya mudah sahaja :

- 1) Larutkan garam dengan air panas ataupun dengan air suam, kemudian ambil air larutan tersebut dan berkumur sehingga rasa sakit hilang.

Itu sahaja petua untuk anda semua, semoga petua-petua yang diberikan diatas boleh menyelesaikan masalah kesakitan pada gigi anda. Jangan lupa untuk cuba dan amalkan. Tetapi, sekiranya kesakitan pada gigi anda masih berterusan, segeralah buat pemeriksaan dengan doktor gigi, semoga bermanfaat.

Sumber: Jude's Herbal Home Remedies oleh Jude C. Todd